



GARIS PANDUAN PERMOHONAN UNTUK KELULUSAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(6) AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 BAGI TABUNG SUMBANGAN WANG AWAM SEKOLAH

1. PENGENALAN

- 1.1 Selaras dengan fokus Kerajaan untuk meringankan perbelanjaan menambahbaik kemudahan sekolah yang tidak berorientasikan keuntungan, peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967) telah dipinda untuk melayakkan Tabung Sumbangan Wang Awam Sekolah (TSUWA) mendapat kelulusan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967. TSUWA ini bukanlah sebuah pertubuhan atau organisasi yang diluluskan dan didaftarkan di bawah mana-mana pihak berkuasa.
- 1.2 Kelulusan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967 akan diberi kepada TSUWA. Guru Besar / Pengetua sekolah bertanggungjawab ke atas TSUWA.
- 1.3 Secara amnya pendapatan TSUWA adalah derma daripada orang awam.
- 1.4 Dana TSUWA hendaklah digunakan bagi tujuan pembelajaran dan pengajaran (P&P) pelajar-pelajar sekolah sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia.
- 1.5 Guru Besar / Pengetua sekolah perlu menyediakan akaun TSUWA yang berasingan daripada akaun sekolah / akaun Lembaga Pengelola / akaun Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG).
- 1.6 Sekolah Kerajaan tidak perlu memohon kelulusan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN) kerana derma kepada sekolah Kerajaan yang dibuktikan dengan resit rasmi Kerajaan merupakan sumbangan kepada Kerajaan yang mana penderma layak diberi potongan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

2. TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan menerangkan maksud TSUWA, syarat-syarat kelulusan dan prosedur permohonan untuk kelulusan serta hal-hal lain yang berkaitan.

3. DEFINISI TABUNG SUMBANGAN WANG AWAM

3.1 TSUWA adalah sebuah tabung yang ditubuhkan khusus untuk tujuan P&P pelajar-pelajar sekolah sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. TSUWA yang ditubuhkan oleh sekolah hendaklah bertujuan bukan untuk mencari keuntungan tetapi bertujuan semata-mata bagi amanah pendidikan selaras dengan peruntukan perenggan 44(7)(aa) ACP 1967 seperti petikan berikut -

“an organization established and maintained exclusively to administer and augment a public or private fund established or held for the sole purpose of carrying out the objective in which the institution is operated or conducted”.

3.2 Sekolah mestilah sebuah sekolah yang berdaftar dengan Kementerian Pelajaran atau Majlis Agama Islam Negeri / Jabatan Agama Islam Negeri.

4. PROSEDUR DAN KEPERLUAN PERMOHONAN

4.1 Kelulusan hanya diberi berdasarkan sesuatu program yang diluluskan oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP), Kementerian Pelajaran Malaysia. TSUWA hendaklah mengemukakan anggaran perbelanjaan berserta dengan sebut harga bagi setiap program. Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) akan menyemak anggaran perbelanjaan dan memaklumkan jumlah yang diluluskan.

4.2 Setelah program yang diluluskan tamat dan TSUWA berhasrat untuk menjalankan program lain, maka TSUWA perlu mengemukakan permohonan baru berkaitan program tersebut.

4.3 Tiada borang khas untuk mengemukakan permohonan kelulusan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

- 4.4 Permohonan hendaklah dibuat oleh Guru Besar / Pengetua sekolah melalui surat dengan dokumen dan maklumat berikut dengan lengkap -
- (i) Kertas kerja penubuhan TSUWA yang antara lainnya menyatakan fasal-fasal berkenaan:
 - a. Nama dan alamat TSUWA;
 - b. Objektif penubuhan TSUWA;
 - c. Senarai ahli jawatankuasa TSUWA yang lengkap dengan menyatakan nama, alamat penuh, nombor kad pengenalan, pekerjaan dan jawatan dalam TSUWA;
 - d. Anggaran perbelanjaan bagi program yang akan dilaksanakan;
 - e. Sebut harga perbelanjaan bagi program yang akan dilaksanakan;
 - f. Pengurusan dan kawalan penggunaan dana TSUWA.
 - (ii) Dokumen pendaftaran sekolah daripada Kementerian Pelajaran Malaysia atau Majlis Agama Islam Negeri / Jabatan Agama Islam Negeri.
 - (iii) Senarai program P&P yang telah diluluskan dan senarai program P&P yang akan dijalankan oleh sekolah melalui penubuhan TSUWA.
 - (iv) Surat kelulusan program daripada:

Pengarah
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan,
Kementerian Pelajaran Malaysia,
Aras 1-4, Blok E8, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62604 Putrajaya.
 - (v) Penyata kewangan TSUWA bagi dua tahun yang terakhir.
 - (vi) Sesalinan resolusi atau minit mesyuarat lembaga pengelola sekolah berhubung dengan –
-

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

- a. penubuhan TSUWA;
- b. pelantikan jawatankuasa TSUWA; dan
- c. kelulusan kertas kerja TSUWA.

4.5 Permohonan hendaklah dikemukakan kepada -

Ketua Pengarah
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
Jabatan Dasar Percukaian
Aras 17, Menara Hasil
Persiaran Rimba Permai, Cyber 8
63000 Cyberjaya
Selangor

5. SYARAT-SYARAT KELULUSAN

5.1 Objektif

TSUWA mestilah ditubuhkan di Malaysia semata-mata bagi tujuan P&P pelajar-pelajar sekolah sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. TSUWA yang ditubuhkan oleh sekolah hendaklah bertujuan bukan untuk mencari keuntungan tetapi semata-mata untuk manfaat pendidikan pelajar sekolah.

5.2 Manfaat

Manfaat TSUWA tidak boleh dinikmati oleh ahli-ahli lembaga pengelola sekolah dan ahli keluarga mereka serta staf sekolah. Mereka yang mempunyai kuasa dan kedudukan tidak boleh menggunakan kuasa dan kedudukan tersebut untuk kepentingan sendiri.

5.3 Ahli Jawatankuasa TSUWA

Sekurang-kurangnya 50% daripada ahli jawatankuasa TSUWA hendaklah terdiri daripada ibu bapa pelajar.

5.4 Penyata Kewangan

TSUWA hendaklah mengemukakan penyata kewangan kepada KPHDN (Jabatan Dasar Percukaian) selewat-lewatnya dalam tempoh 3 bulan selepas program P&P tamat.

5.5 Larangan

TSUWA tidak boleh terlibat dalam sebarang kegiatan politik atau gerakan Kesatuan Sekerja dan tidak boleh membenarkan kewangannya, ahli/staf dan premis/hartanya digunakan untuk tujuan-tujuan tersebut.

6. PERKARA LAIN

6.1 TSUWA yang diluluskan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967 dan penderma kepada TSUWA yang diluluskan akan menikmati pengecualian dan potongan cukai seperti berikut -

(i) Pengecualian Cukai

TSUWA yang diluluskan akan diberikan pengecualian cukai ke atas pendapatan (kecuali pendapatan dividen) di bawah perenggan 13, Jadual 6 ACP 1967.

(ii) Potongan

Penderma yang menderma kepada TSUWA yang diluluskan layak mendapat potongan atas derma mereka dalam pengiraan jumlah pendapatan. Perlu diingatkan bahawa hanya derma wang tunai yang disokong oleh resit rasmi yang dikeluarkan oleh sekolah layak untuk potongan. Derma berupa barangan tidak layak untuk potongan.

6.2 Semua sumbangan yang diterima hendaklah dikeluarkan resit rasmi yang mencatatkan dengan jelas:-

- (i) Nama dan alamat TSUWA;
- (ii) Nombor siri resit rasmi;
- (iii) Tarikh resit;
- (iv) Nama penderma dan nombor kad pengenalan atau nombor pendaftaran syarikat penderma;
- (v) Jawatan pemungut (collector) seperti Guru Besar / Pengetua sekolah;
- (vi) Rujukan kelulusan LHDNM iaitu nombor rujukan fail.



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

- 6.3 Setelah program yang diluluskan tamat, baki wang kutipan program jika ada hendaklah didermakan kepada Kerajaan atau mana-mana organisasi yang diluluskan oleh KPHDN.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

16 Julai 2012

s.k : LHDN.01/35/42/51/179